

R B433 BAH
MAHATHIR - RAYA (EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS PENGUMUMAN HARI
RAYA)

KUALA LUMPUR, 25 APRIL (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI BERKATA, TIDAK ADA SESIAPA YANG AKAN UNTUNG, SAMA ADA ORANG ISLAM MAHUPUN BUKAN ISLAM, JIKA KESTABILAN DAN KEAMANAN NEGARA MUSNAH.

OLEH ITU, RAKYAT HENDAKLAH MENGAWASI DAN MEMELIHARA KESTABILAN NEGARA, KERANA DARIPADA PENGALAMAN DI BEBERAPA NEGARA LAIN DIDAPATI AMATLAH SUKAR UNTUK MEMULIHKAN SEMULA KEADAAN APABILA TERCETUS ANARKI (KACAU-BILAU), KATA DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD.

DALAM PERUTUSAN HARI RAYA AIDILFITRI MELALUI RTM MALAM INI, PERDANA MENTERI BERKATA, KEADAAN PASTI AMAT BURUK JIKA NEGARA DISERANG DENGAN GEJALA SEPERTI TUNJUK PERASAAN, MOGOK, PENGGUNAAN KEKERASAN UNTUK MENGGULINGKAN KERAJAAN, RUSUHAN KAUM DAN TINDAKAN-TINDAKAN LAIN DI LUAR UNDANG-UNDANG SEPERTI YANG SERING BERLAKU DI NEGARA-NEGARA LAIN.

+TETAPI INI SEMUA TIDAK BERLAKU DI NEGARA KITA KERANA MAJORITI RAKYAT MENGHARGAI KESTABILAN DAN PERPADUAN. RAKYAT MALAYSIA JUGA MENGHORMATI KUASA YANG DIBERIKAN KEPADA PIHAK BERKUASA SEPERTI POLIS DAN TENTERA UNTUK MENJAGA KEAMANAN DAN KESELAMATAN (NEGARA)+, KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, PERCUBAAN UNTUK MENGHALANG PIHAK POLIS DARIPADA MENJALANKAN TUGAS MEREKA ATAU PERCUBAAN MENGAMBIL ALIH TUGAS POLIS AMATLAH BERBAHAYA. -- LAGI
1448MST 25 04 90

D273

R B434 BAH
MAHATHIR - RAYA 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

JIKA ADA PIHAK MENCUBANYA, MAKA PIHAK YANG LAIN PULA AKAN CUBA MENGAMBIL TINDAKAN YANG SERUPA, KATANYA, DAN MENAMBAH KATA BAHAWA SEKIRANYA INI BERLAKU MAKA AKAN RUNTUHLAH ATURAN SOSIAL, DAN AKAN TERCETUSLAH ANARKI.

JIKA INI BERLAKU KEHIDUPAN KITA TIDAK LAGI AKAN SELAMAT, TAMBAH BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA BERKATA, KERAJAAN PUAS HATI KERANA BANYAK PEROJEK PEMBANGUNAN TELAH DAPAT DILAKSANAKAN DENGAN ADANYA KESTABILAN DAN PEMULIHAN EKONOMI.

KATANYA, PERTUMBUHAN EKONOMI NEGARA YANG BAIK BUKANLAH BAHAN KEBANGGAAN KERAJAAN, TETAPI ADALAH UNTUK DINIKMATI BERSAMA OLEH RAKYAT KESELURUHANNYA.

PERDANA MENTERI BERKATA, +PADA HARI YANG MULIA INI, MARILAH KITA BERSAMA-SAMA BERSYUKUR, BUKAN SAHAJA DENGAN BERTAKBIR DAN BERTAHMID, TETAPI JUGA MERENUNG DENGAN PENUH INSAF DAN SYUKUR SERTA MENGHITUNG AKAN PEMBERIAN ALLAH YANG KITA NIKMATI SEPANJANG HARI, SEPANJANG BULAN, SEPANJANG TAHUN, BAHKAN SEPANJANG MASA+. -- LAGI
1454MST 25 04 90

D274

R B435 BAH
MAHATHIR - RAYA 3 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

PERASAAN SYUKUR, KATANYA, AKAN MENJADIKAN KAUM MUSLIMIN SATU UMAT YANG INSAF, BERTAKWA DAN KUAT BERPEGANG KEPADA LUNAS-LUNAS ISLAM.

+SEMASA KITA MENYAMBUK KEMENANGAN KITA INI (TAAT MENJALANKAN IBADAT PUASA), HITUNGANLAH NIKMAT SUPAYA KITA MENJADI UMAT ISLAM YANG INSAF DAN TAHU BERSYUKUR. INSYAALLAH, KITA AKAN MEMPEROLEHI KEBAHAGIAN+, KATANYA.

+KEPADA KAUM MUSLIMIN, SAYA MENGUCAPKAN SELAMAT HARI RAYA AIDILFITRI DAN SEMOGA KITA SEMUA MENDAPAT HIDAYAT DARIPADA ALLAH,+ KATANYA.

PERDANA MENTERI JUGA MENGAJAK ORANG BUKAN ISLAM SUPAYA BERSAMA-SAMA DENGAN RAKAN-RAKAN ISLAM MERAYAKAN HARI RAYA INI.

BELIAU MENGINGATKAN PENGGUNA JALAN RAYA SUPAYA BERHATI-HATI SEMASA MEMANDU PADA MUSIM CUTI INI DEMI KESELAMATAN DIRI DAN PENGGUNA JALAN RAYA YANG LAIN, KERANA MENURUT DATUK SERI DR MAHATHIR: +ADALAH LEBIH BAIK LAMBAT ASALKAN SELAMAT+. -- BERNAMA 1456MST 25 04 90